

03/08/1999

Kebenaran salasilah Tuan Guru dipertikai

Zahir

ISTILAH fanatik dan pemujaan ada hubungkaitnya dengan assabiyah yang membawa maksud puak keturunan atau suku kaum yang berasal dari rumpun yang sama. Bahasa Arab juga menyebutnya sebagai kabilah atau asyirah. Satu lagi istilah yang sinonim dengan istilah ini ialah taasub. Perkataan fanatik, taasub, pemujaan dan assabiyah ini secara umumnya memberi fahaman seruan seseorang supaya disokong puak keturunannya atau memuja suku sakatnya, atau mempertahankan kelompok mereka dengan apa cara sekalipun walaupun nyata kelompok mereka itu melakukan kesalahan dan kezaliman.

Memetik sebuah hadis Nabi Muhammad SAW dalam menjelaskan maksud fanatik (assabiyah): "Telah bertanya seorang lelaki:- Wahai Rasulullah, adakah dianggap fanatik puak orang yang sayang kepada kaum bangsanya? Jawab baginda, tidak, tetapi fanatik puak ialah seseorang menolong kaum bangsanya kepada kezaliman."

Cita-cita Pas yang terlalu tinggi menggunung untuk memerintah negara telah menghalalkan parti itu menggunakan pelbagai taktik dan teknik politik yang memalukan, yang busuk lagi membusukkan. Sikap fanatik Pas ini terbukti apabila ulama Pas berduyun-duyun menyokong ahli seumur hidupnya Datuk Shahnnon Ahmad yang mencarut dan memaki hamun dalam novel SHIT. Pemimpin Pas mempertahankan Shahnnon dengan mengatakan bahawa apa yang dilakukan itu tepat dan kena pada masanya. Presiden Pas, Datuk Fadhil Noor mempertahankan SHIT dan beranggapan buku itu mudah difahami dan adalah satu sumbangan besar kepada negara. Lebih memeranjatkan lagi apabila Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengeluarkan 'fatwa' bahawa mcela dan memaki hamun dibolehkan mengikut keadaan, dengan alasan tuhan juga mcela dalam al-Quran.

Kita juga pernah mendengar pemimpin Pas mengatakan bahawa parti itu sanggup bekerjasama dengan sesiapa saja termasuk bekerjasama dengan syaitan. Selain itu, pemimpin Pas juga membolehkan pengikutnya berdoa untuk memusnahkan orang lain, juga tindakan menggelar pemimpin negara dengan gelaran penjaga babi dan sebagainya. Pada masa yang sama, pemimpin Pas yang lain secara sembrono telah mempertahankan tindakan pemimpin mereka dengan alasan bahawa tindakan itu benar dan tepat pada masanya.

Inilah yang dikatakan fanatik dan assabiyah dalam Pas, di mana apabila seseorang atau sekumpulan orang melakukan pendustaan dan kezaliman, maka pihak yang lain dalam kumpulan itu akan mempertahankan dan mengiakan pendustaan dan kezaliman itu. Dalam masa yang sama mereka mengajak pengikut memuja dan mempertahankan pemimpin yang melakukan pendustaan dan kezaliman itu.

Unsur fanatik dan pemujaan ini sering berlaku dalam pertubuhan Islam yang ekstrim, terutama apabila sifat taasub dan assabiyah telah menebal dalam diri pengikut mereka. Unsur fanatik dan pemujaan inilah yang berlaku dalam Nation Of Islam (NOI) di Amerika Syarikat dengan menganggap Elijah Muhammad sebagai Nabi, sebelum NOI diambil alih kepemimpinannya oleh Malcom X atau Malik Es-Shabbaz. Unsur fanatik dan pemujaan inilah juga yang bersarang dalam pertubuhan al-Arqam sehingga ia diharamkan oleh Pusat Islam kerana penyelewengan akidah dan pemujaan pemimpin yang berleluasa dalam pertubuhan itu.

Pada 10 Julai 1999 lalu, Nik Aziz melancarkan buku biografi yang memaparkan sejarah hidup beliau yang bertajuk Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz: Seorang Ulama' Serta Ahli Politik Malaysia Di Abad Ke-20. Buku ini satu lagi simbol ketaaksuban dan pemujaan penyokong Pas

terhadap Nik Aziz. Buku biografi itu secara terang-terangan mengagungkan Nik Aziz sebagai seorang ulama dan ahli politik, memuja dan mengangkat martabat tokoh Pas itu ke taraf kenabian dengan menggambarkan beliau sebagai seorang yang maksum dan tidak pernah melakukan kesalahan.

Berbeza dengan biografi lain, biografi itu dengan jelas memaparkan salasilah Nik Aziz yang menyatakan bahawa beliau adalah daripada keturunan Kesultanan Melayu Kelantan. Tidak dapat dipastikan kebenaran salasilah itu kerana ia di tulis oleh seorang pengkaji sejarah daripada negara luar, Brunei Darussalam. Jika benar beliau berasal daripada keturunan Kesultanan Melayu Kelantan, apa akan berlaku kepada Sultan Kelantan sekarang? Dan jika benar, maka semakin bangga dan taaksublah penyokong Pas kerana Tok Guru mereka itu berdarah sultan. Untuk meneruskan ketaasuban mereka, Pas sanggup bekerjasama dengan orang asing untuk merekacipta salasilah Nik Aziz yang tidak diketahui benar ataupun salah kajian itu. Ini sekaligus membuktikan bahawa kata-kata Perdana Menteri yang menyatakan parti pembangkang ada jalinan kerjasama dengan negara asing adalah benar dan tepat sekali. Jika sekiranya Nik Aziz benar-benar mempunyai salasilah itu, mustahil seramai-ramai penyokong Pas tidak ada seorangpun yang pakar di dalam membuat kajian itu sehingga meminta pertolongan orang luar. Di sini sekali lagi membuktikan pembbohongan Pas yang mendakwa mereka mempunyai bermacam-macam pakar. Ke mana pakar-pakar Pas itu sedangkan berkenaan dengan salasilah Nik Aziz terpaksa menggunakan tenaga orang luar? Biografi itu juga jelas cuba untuk menimbulkan kekeliruan berhubung dengan salasilah keturunan Kesultanan Melayu Kelantan sedangkan dari segi sejarah tidak pula ada salasilah seumpama itu difaktakan untuk bacaan pelajar di sekolah atau institusi pengajian tinggi. Pas dalam mencari pengaruh tanpa berfikir panjang sanggup menggadaikan hubungannya dengan Istana, walaupun dalam situasi hubungan telahpun retak menanti belah? Biografi itu cuba untuk menipu rakyat Kelantan khususnya, dan rakyat Malaysia umumnya, serta memutarbelitkan fakta sejarah, atas dorongan untuk memuji dan memuja Nik Aziz yang kononnya mempunyai kedudukan yang tinggi dari segi asal usul keturunannya.

Tidak dapat diterima sama sekali oleh akal yang waras, Pas sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam membenarkan penyokongnya memberikan sanjungan dan pemujaan yang begitu hebat kepada tokoh itu. Andai dibuat perbandingan antara buku biografi tersebut dengan buku Mahathir Di Sebalik Tabir tulisan Datuk Zainudin Maidin, jelas terdapat perbezaan ketara. Zainudin memaparkan Datuk Seri Dr Mahathir dari sudut negatif dan positif yang mana hasil daripada penulisan itu telah membuka minda rakyat untuk membuat penilaian, dan dengan keberanian Zainudin menyebabkan Dr Mahathir disenangi setiap rakyat walaupun di dalam keadaan apa sekalipun kerana rakyat telah mengetahui tentang kepemimpinan beliau itu.

Tetapi penulis biografi ini memaparkan kebaikan semata-mata yang terdapat pada tokoh Pas itu, dan terlalu banyak boleh dipersoalkan. Buku ini meletakkan Nik Aziz di tempat yang paling tinggi dan mulia, serta tidak ada sebarang kesilapan yang dilakukan sejak lahir hingga sekarang.

Buku itu mungkin ditulis oleh golongan ashab al-Ahwa' (orang-orang yang berkepentingan) dalam Pas, yang cuba mempertahankan pemimpin mereka membabi buta sebagai khidmat bakti di samping menguatkan kemahuan dan kehendak nafsu politik Pas sedangkan dengan jelas tokoh itu gagal untuk membuktikan carutannya melalui ayat al-Quran apabila dicabar oleh Perdana Menteri.